



BARISAN selebriti beraksi pada perlawanan pertunjukan sempena majlis pelancaran **KOSMO! Varsiti Futsal 2007**.



ABDUL AZIZ (kiri) menyampaikan cenderamata kepada Omar pada majlis perasmian **KOSMO! Varsiti Futsal 2007** di Nilai semalam.

KOSMO! Varsiti Futsal dirasmikan

KEJOHANAN **KOSMO! Varsiti Futsal 2007** yang bakal menampilkannya 72 pasukan terbaik daripada institusi pengajian tinggi tempatan dilancarkan secara rasmi semalam.

Kejohanan yang menawarkan hadiah wang tunai berjumlah lebih RM155,000 ini terbuka kepada pelajar institusi pengajian tinggi awam, swasta, matrikulasi, politeknik, kolej komuniti dan kolej universiti di seluruh negara.

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pengajian Tinggi, Omar Abd. Rahman berkata, pihak kementerian berbesar hati dengan kesediaan akhbar **KOSMO!** untuk menganjurkan kejohanan ini di kalangan pelajar universiti.

"Futsal begitu sinonim dengan remaja masa kini dan sukan merupakan salah satu daripada kurikulum di IPTA (Institusi Pengajian Tinggi Awam) seluruh negara. "Kementerian



sentiasa menggalakkan penyertaan pelajar-pelajar dalam sukan dan mereka yang cemerlang dalam bidang sukan akan dipermudahkan kemasukan ke IPTA. Mereka juga akan diberi kemudahan biasiswa sukan untuk melanjutkan pelajaran.

"Oleh itu, pelajar perlu merebut peluang yang terhidang dan pada masa ini hanya 60 orang pelajar sahaja yang mendapat pembiayaan biasiswa sukan di seluruh negara," jelas Omar dalam ucapan perasmian di Stadium Tertutup Nilai, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) semalam.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Abdul Aziz Ishak berkata, penganjuran kejohanan ini adalah tepat pada masanya apabila minat terhadap sukan futsal semakin popular di kalangan generasi muda.

"Apabila berpeluang untuk menganjurkan kejohanan ini bersama kementerian dan Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum),



DR. MOHAMMAD ASIN (bertopi) serta Badrul Azhar (empat dari kanan) turut memeriahkan majlis perasmian **KOSMO! Varsiti Futsal 2007**.

kami sangat teruja untuk melaksanakannya.

"Seperti juga futsal, akhbar **KOSMO!** mempunyai ciri-ciri menarik iaitu ia praktikal dan kon-temporari berpadanan dengan jiwa remaja. Berdasarkan ciri-ciri tersebut kami mengambil keputusan untuk menganjurkan kejohanan ini kerana akhbar **KOSMO!** mempunyai sinergi dengan generasi muda," katanya.

Abdul Aziz menambah, walaupun **KOSMO!** merupakan sebuah

akhbar baru, sambutan di kalangan pembaca adalah menggalakan dan merupakan akhbar masa depan.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Mohammad Asin Dollah, Penolong Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Othman Mohamad, Pengarang **KOSMO!**, Badrul Azhar Rahman dan Pengurus Besar Pemasaran/Pengedaran Kumpulan Utusan, Zulkaffli Bakar.

Kejohanan anjuran akhbar **KOSMO!** dengan sokongan Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Belia dan Sukan serta Masum ini akan diadakan secara liga dalam tiga kategori iaitu lelaki bawah 23, lelaki terbuka dan wanita terbuka.

Peringkat saringan kejohanan

dipecahkan kepada empat zon iaitu Utara, Timur, Tengah dan Selatan.

Manakala perlawanan akhir akan diadakan di Stadium Tertutup Nilai, USIM pada 8 September.

Universiti Utara Malaysia (UUM) menjadi lokasi pada saingan zon Utara yang akan mem-buka tirainya Sabtu depan.

Pada kejohanan ini, juara bukan hanya akan membawa wang tunai tetapi sebuah piala pusingan di samping sijil dan hadiah iringan.

Selain itu, penonton dan peserta berpeluang menyertai pertandingan jaringan gol terbanyak dalam masa 30 saat Super Sepak dan Freestyler Futsal yang menawarkan hadiah-hadiah menarik sum-bangan Redbull dan cenderamata daripada **KOSMO!**.



PELANCARAN **KOSMO! Varsiti Futsal 2007** diserikan dengan aksi freestyler Mohd. Shuhaimi Mohd. Khaizari.